



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **PERALIHAN FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA DAN KELONGGARAN BAHARU**

#### **A. PERALIHAN FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA**

1. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 hari ini bersetuju untuk membenarkan peralihan Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi negeri-negeri berikut berkuatkuasa 8 Oktober 2021:
  - i. Johor : Daripada Fasa 2 ke Fasa 3
  - ii. Pahang : Daripada Fasa 3 ke Fasa 4
2. Peralihan fasa ini dibuat mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Pelan Pemulihan Negara dan setelah mengambil kira penilaian risiko semasa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
3. Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi negeri-negeri yang memasuki fasa 3 dan 4 adalah sama dengan sebelum ini. Keterangan SOP terkini akan dikemaskini oleh MKN di laman sesawang [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my).

#### **B. KELONGGARAN-KELONGGARAN BAHARU**

4. Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 hari ini turut bersetuju untuk membenarkan beberapa lagi kelonggaran baharu seperti berikut berkuatkuasa 09 Oktober 2021
  - i. Waktu beroperasi pasar borong di Fasa 2 dan Fasa 3 dibenarkan mengikut syarat lesen dan permit Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti mana yang ditetapkan dengan syarat pekerja di vaksin lengkap dan mematuhi SOP sedia ada.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

- ii. Pelaksanaan Upacara Mengikat Thaali di rumah ibadat kuil bagi agama Hindu dan Pernikahan Kudus (*Holy Matrimony*) bagi agama Kristian dibenarkan dalam tempoh PPN. Kementerian Perpaduan akan memaklumkan kepada Persatuan Agama Hindu dan Persatuan Agama Kristian berhubung SOP yang perlu dipatuhi.
- iii. Pengoperasian aktiviti lelongan awam bagi barangan sandaran dibawah sektor pajak gadai yang berdaftar di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dibenarkan berdasarkan syarat – syarat berikut:
  - a. Pekerja dan pembida telah dilengkap vaksin
  - b. Hanya melibatkan 54 pelelong yang telah dikenalpasti di seluruh negara
  - c. Terhad kepada 30 minit per sesi pada 1 dan 7 haribulan setiap bulan
  - d. Kapasiti pekerja adalah berdasarkan Fasa iaitu:
    - Fasa 2 : 60% kapasiti pekerja dan 50% pembida
    - Fasa 3 : 80% kapasiti pekerja dan 80% pembida
    - Fasa 4 : 100% kapasiti pekerja dan pembida.
- iv. Sektor tembakau dan rantaianya dibenarkan untuk beroperasi di Fasa 2 PPN dan seterusnya.

### **C. MENINGKATKAN PENILAIAN KENDIRI**

5. Dalam usaha negara *#ReopeningSafely*, perkara paling penting adalah untuk kita semua tidak cepat berasa selesa dan bersikap sambil lewa.
6. Disebalik semua kelonggaran yang telah diumumkan, hakikat yang harus kita hadapi adalah kita semua terpaksa hidup bersama virus Covid-19.



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

7. Oleh demikian, selain terus mengamalkan SOP, penting untuk kita semua meningkatkan penilaian sendiri, bukan sahaja demi melindungi diri sendiri tetapi juga masyarakat sekeliling daripada virus COVID-19.
8. Antara langkah penting dalam membuat penilaian sendiri ialah:
  - i. **TEST** - Segera lakukan ujian saringan COVID-19 secara sendiri sekiranya alami simptom-simptom jangkitan seperti selsema, demam, batuk dan lain-lain.
  - ii. **REPORT** - Laporkan keputusan saringan secepat mungkin di aplikasi My Sejahtera.
  - iii. **ISOLATE** - Lakukan kuarantin atau pengasingan sendiri dengan segera dan penuh disiplin sekiranya didapati positif dan jangan langgar perintah "*Home Surveillance Order*" (HSO) yang telah ditetapkan oleh KKM.
  - iv. **INFORM** - Segera maklumkan kepada pihak berwajib sekiranya situasi kesihatan diri semakin merosot semasa menjalani kuarantin sendiri di rumah.
  - v. **SEEK** - Dapatkan rawatan segera di pusat-pusat perubatan berhampiran sekiranya alami gejala berat.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**6 OKTOBER 2021**